

31 OCT 2003
Zaharah-Pelekat
PELEKAT TERIMA KASIH DR MAHATHIR DIEDARKAN

KUALA LUMPUR, 31 Okt (Bernama) -- Kementerian Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat mengedarkan dua juta keping pelekat kenderaan ucapan "Terima Kasih Perdana Menteri" dalam empat bahasa sebagai penghargaan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang bersara hari ini.

Pelekat berukuran 41 sentimeter panjang dan 10 sentimeter lebar itu diedarkan secara percuma kepada pengguna jalan raya dan ia juga boleh didapati di plaza tol, stesen minyak, bas, teksi, pejabat pos dan kaunter pejabat kerajaan di seluruh negara.

Menteri Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Seri Dr Siti Zaharah Sulaiman berkata, pelekat yang berlatar belakangkan warna biru menunjukkan warna teras Barisan Nasional.

Katanya, Menara Berkembar Kuala Lumpur yang terdapat pada pelekat itu melambangkan simbol kejayaan negara di bawah pimpinan Dr Mahathir manakala ucapan terima kasih di dalam empat bahasa -- bahasa Malaysia, Cina, India dan Inggeris -- mewakili bahasa di negara ini.

Beliau berkata demikian pada persidangan media pelancaran pelekat kenderaan itu di pejabatnya di sini hari ini.

Dr Siti Zaharah berkata, program pengedaran pelekat itu dibuat bagi memberi peluang kepada rakyat berbilang kaum di negara ini melahirkan penghargaan mereka kepada Perdana Menteri yang telah memimpin Malaysia selama 22 tahun.

"Selain itu, program ini juga bertujuan menyatukan rakyat Malaysia yang berbilang kaum di bawah satu tujuan dan memberi peluang kepada semua lapisan masyarakat untuk turut serta merakamkan penghargaan kepada Perdana Menteri serta menimbulkan semangat muhibah semua kaum," katanya.

Beliau berkata, kepimpinan Dr Mahathir telah berjaya meletakkan Malaysia di atas peta dunia serta menjadikan negara ini berdaya saing dan maju dalam semua bidang.

Pada majlis itu, 100 orang kanak-kanak pra sekolah dari beberapa

buah
tadika di ibu negara membawa sepanduk berbunyi "Thank You Sir" yang
ditujukan khas kepada Dr Mahathir.

-- BERNAMA

NER MFJ MOZ